

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHAN MING KAI [ALOR STAR]

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berkenaan pekerja asing di sektor restoran:-

- (a) apakah syarat dan jumlah terkini; dan
- (b) kelayakan dan proses penukaran pekerja asing daripada sektor lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Permohonan pengambilan pekerja asing bagi subsektor restoran boleh dibuat oleh mana-mana individu atau syarikat atau koperasi yang mempunyai premis sendiri atau premis sewaan dengan perjanjian sewaan yang melebihi tiga tahun. Pihak majikan adalah **diwajibkan untuk mematuhi semua undang-undang perburuhan yang berkuatkuasa**. Di samping itu, **kuota** kelayakan pekerja asing adalah satu nisbah tiga iaitu **satu pekerja tempatan bagi setiap tiga pekerja asing**.

Pada dasarnya, majikan dibenarkan untuk membuat permohonan pertukaran majikan bagi pekerja asing yang asalnya bukan dari sektor yang sama. Terdapat beberapa syarat yang perlu dipatuhi iaitu:

SOALAN NO : 16

- i. Permohonan dibuat oleh majikan asal;
- ii. Permohonan hendaklah dikemukakan ke Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) yang akan mengeluarkan surat sokongan;
- iii. Semua undang-undang perburuhan serta lain-lain syarat yang ditetapkan oleh Agensi Kawal Selia (AKS) dipatuhi;
- iv. Majikan masih mempunyai kuota kelayakan untuk menggajikan pekerja asing baharu;
- v. Lulus temuduga di Pusat Kelulusan Setempat (*One Stop Centre*) di bawah Kementerian Dalam Negeri yang mana proses temuduga akan dibuat oleh AKS iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dan
- vi. Mana-mana pekerja asing yang digajikan di bawah program pemutihan, pembantu rumah, pekerja bukan dari pemegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dan pemegang PLKS tahun penggajian ke 10 tidak dibenarkan untuk bertukar majikan.

Menurut statistik Jabatan Imigresen Malaysia (MyImmss), bilangan pekerja asing aktif sehingga 31 Ogos 2021 bagi sektor perkhidmatan ialah seramai 159,720 orang dan tiada data khusus bagi subsektor restoran. Namun, berdasarkan maklumat daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), seramai **53,853 pekerja asing** mencarum di bawah **industri perkhidmatan penginapan dan makanan serta minuman**.